


Tokoh relevan



Perdana menteri paling bahagia dalam dunia



Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**
relevan@mediamulia.com.my

TUNKU Abdul Rahman berucap dari corong radio, sehari sebelum sambutan kemerdekaan yang mustahak untuk Malaysia.

Tahun itu, Malaysia berusaha meleraikan gumpalan titik hitam akibat rusuhan kaum 13 Mei melalui pengisytiharan Rukun Negara yang dijadualkan pada 31 Ogos 1970. Namun, ada pengumuman sayu menanti. Ada sesuatu yang akan berhenti.

"Sehinggakan saya sering menganggap bahawa diri saya sebagai Perdana Menteri yang paling bahagia dalam dunia.

"Sudah menjadi harapan dan cita-cita saya juga untuk menjadikan semua rakyat Malaysia orang yang paling bahagia dalam dunia."

Pengumuman tamat, 30 Ogos 1970, Tunku Abdul Rahman mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri pertama. Perdana Menteri yang memerdekakan negara.

Perdana Menteri paling bahagia dalam dunia.

PENYATU BANGSA

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj lahir pada 8 Februari 1903 di Alor Setar, Kedah. Beliau mewarisi darah kepemimpinan ayahandanya, Sultan Kedah ke-25, Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Kepemimpinan dan pentadbiran tidak asing bagi Tunku. Kerjayanya bermula sebagai pegawai kadet di Pejabat Penasihat Undang-Undang di Kedah selepas menamatkan pengajian undang-undang di Kolej St. Catherine, Universiti Cambridge.

Di Cambridge, Tunku menubuhkan Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK) bagi mewakili pelajar Melayu di universiti tersebut.

Sepulangnya ke Tanah Melayu, Tunku memegang banyak jawatan dalam perkhidmatan awam sebelum membuat keputusan untuk

menjadi ahli politik.

Bermula sebagai Pengerusi UMNO Kedah pada 1949, karisma sebagai pemimpin mengangkat beliau menjadi Presiden UMNO pada 1951, menggantikan pengasas parti tersebut, Dato' Onn Jaafar.

New York Times dalam belasungkawanya berkata, keperibadian Tunku tidak menggambarkan beliau sebagai pemimpin yang boleh memimpin kaum Melayu dan Cina di Tanah Melayu tetapi Tunku membuktikan sebaliknya.

Beliau membuka jalan kerjasama politik antara Melayu dengan Cina melalui gabungan UMNO-MCA, sebelum membentuk Parti Perikatan yang turut dianggotai MIC dalam Pilihan Raya Umum 1955.

Gabungan tersebut hanya kalah satu kerusi, membolehkan Tunku menjadi rakyat tempatan pertama mengetuai kerajaan sebagai Ketua Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Pentadbiran tempatan pertama tersebut membuka ruang untuk Persekutuan Tanah Melayu menuntut kemerdekaan. Tunku mengetuai delegasi pada 1956 dalam perbincangan meja bulat yang dinamakan Persidangan Malaya Merdeka di London.

Rundingan demi rundingan akhirnya membolehkan Persekutuan Tanah Melayu mengecap kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

ATMANYA AMAN, JIWANYA DAMAI

Tunku merupakan putera raja yang berani turun dan bersaing dengan rakyat lain dalam lapangan politik.

New York Times menyifatkan beliau sebagai putera raja yang suka berkawan. Perjalanan hidupnya juga menunjukkan beliau seorang yang merakyat walaupun pembuluhnya beralir darah monarki.

Satu hal tentang Tunku, beliau selalu mencari penyelesaian yang aman dalam apa-apa konflik. Ada yang menggelarnya '*man of peace*'. Namun, itu tidak bermakna beliau tidak tegas.

Kecenderungan Tunku terhadap keamanan menjadi roh yang meresap dalam jasad negara bernama Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia.

Kita berkongsi banyak persamaan dengan negara jiran, Indonesia dari segi sejarah. Malah, sebelum Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, tanah Malaysia dan Indonesia dianggap satu - Alam Melayu. Namun, kedua-dua negara dipimpin orang yang berbeza.

Tunku dengan senyum dan kelembutan, Sukarno dengan gelak dan kekerasan. Tunku

memimpin negara ketika berkonfrontasi dengan Indonesia disebabkan usaha untuk menubuhkan Malaysia.

Sikap Indonesia terhadap Malaysia keras. Slogan mereka: "Ganyang Malaysia". Tapi Tunku tidak membalas kekerasannya.

Ketika diminta untuk memijak lambang Pancasila Indonesia, Tunku menolak. Tapi tubuhnya diangkat pemprotes sehingga beliau duduk di atas lambang tersebut. Bekas Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Khalid Yunus yang turut mengangkat Tunku masih ingat, ketika itu Tunku sedih dan berkata, "*Awatlah hang buat aku macam ni?*"

Beliau turut bersedih ketika peristiwa 13 Mei berlaku. Khabarnya ada sekeping gambar Tunku sedang menangis di kediamannya di Bukit Tunku ketika melihat pusat bandar Kuala Lumpur dijilat api. Namun, bukti gambar tersebut, menurut Eddin Khoo dalam buku *Rukunegara: Selayang Pandang*, "jarang sekali dapat dilihat".

DUKA, HIBA, LARA, NESTAPA

Tak mudah untuk menjadi Tunku Abdul Rahman. Namanya akan sentiasa diingati sebagai Bapa Kemerdekaan tetapi duka hiba sepanjang menjadi Perdana Menteri hanya beliau dan Tuhan saja tahu.

Tunku memimpin negara mengharungi kemerdekaan, pembentukan Malaysia, konfrontasi dan rusuhan kaum.

Pada penghujung tempoh beliau sebagai Perdana Menteri, pemerintahan negara diambil alih Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipimpin Tun Abdul Razak Hussein. Walaupun masih bergelar Perdana Menteri, fungsi Tunku lebih bersifat kemajlis - sebagai jurucakap dan wajah hadapan kerajaan.

Pasti ada lara nestapa yang mengisi dada Tunku sepanjang menjadi Perdana Menteri. Namun, tetaplah dia tersenyum untuk rakyat Malaysia. Tetaplah dia menjadi Perdana Menteri paling bahagia dalam dunia.

**TUNKU
ABDUL
RAHMAN
PUTRA
AL-HAJ**

